

SOALAN NO. 30**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN RAMKARPAL
SINGH A/L KARPAL SINGH [BUKIT GELUGOR]**

TARIKH : 19 MAC 2018

SOALAN :

YB Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah yang dicadangkan untuk diambil oleh Kerajaan untuk memastikan bahawa berita palsu (fake news) disiasat dengan bebas dan neutral sekiranya undang-undang diperkenalkan untuk menjadikan penyebaran berita palsu tersebut suatu kesalahan jenayah.

47

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, isu penyebaran berita tidak benar merupakan masalah yang dihadapi secara global ekoran revolusi teknologi komunikasi yang berkembang dengan pesat dan pantas. Justeru, Kerajaan berpendapat bahawa terdapat keperluan untuk mengemaskini dan menambahbaik undang-undang sedia ada mengikut perkembangan teknologi dan media massa.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Kerajaan sedang dalam proses untuk memuktamadkan Rang Undang-Undang mengenai kesalahan-kesalahan yang berhubungan dengan penyebaran berita tidak benar dan perkara-perkara lain yang berkaitan. Setelah Rang Undang-Undang tersebut dimuktamadkan, ia akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri bagi pertimbangan dan kelulusan sewajarnya.

Sekiranya Rang Undang-Undang tersebut dipersetujui oleh Jemaah Menteri, maka ia akan dibentangkan dalam sesi Dewan Rakyat kali ini bersama-sama dengan matlamat Kerajaan dalam menggubal undang-undang ini termasuk langkah-langkah bagi memastikan kesalahan-kesalahan melibatkan berita palsu disiasat secara adil.

Sekian, terima kasih.